



Journal of Advanced Research in Business and Management Studies

Journal homepage: www.akademiabaru.com/arbms.html
ISSN: 2462-1935



Kajian kes pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak bina: Perspektif kontraktor (Case studies of occupational safety and health management in construction site : Contractor's perspective)

Open
Access

Wan Nadzri Osman ^{1,*}, Nor Syazwani Amminudin, Mohd Nasrun Mohd Nawi ¹

¹ Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

ARTICLE INFO

Article history:

Received 2 February 2017

Received in revised form 16 March 2017

Accepted 19 March 2017

Available online 3 May 2017

ABSTRACT

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 telah diperkenalkan di Malaysia untuk memupuk, merangsang dan meningkatkan mutu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terutamanya di tapak pembinaan. Tujuan utama AKKP adalah untuk meningkatkan sikap keprihatinan majikan atau organisasi terhadap keselamatan dan kesihatan para pekerja mereka selain menitikberatkan langkah-langkah keselamatan pekerjaan yang berkesan. Bagaimanapun, pada masa kini, kadar kemalangan dalam sektor pembinaan dilihat berada ditahap yang agak membimbangkan. Hal ini kerana industri pembinaan merupakan industri yang unik dengan pekerjaan dari pelbagai bidang dan sesebuah projek pembinaan perlu disiapkan dalam masa yang terhad. Kajian ini membincangkan mengenai amalan, masalah, dan strategi yang dijalankan dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan mengikut perspektif kontraktor. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dimana satu temubual telah dijalankan di sebuah syarikat kontraktor yang berpengalaman dalam industri pembinaan. Hasil kajian ini mendapati terdapat beberapa amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dilaksanakan seperti dasar keselamatan, mesyuarat keselamatan dan kesihatan, pendidikan dan latihan, pemeriksaan keselamatan tapak, dan peralatan perlindungan peribadi. Masalah utama yang menjadi penyumbang pada masalah kemalangan yang dihadapi adalah disebabkan sikap pekerja dan tahap kesedaran yang rendah di kalangan para pekerja. Beberapa strategi telah dilakukan seperti membuat pemeriksaan secara kerap selain menitik beratkan aspek pendidikan keselamatan selain menyediakan latihan yang lebih berkesan.

Occupational Safety and Health Act (OSHA) 1994 was introduced in Malaysia to foster, stimulate and improve safety and health in the workplace, especially on construction sites. The main objective of OSHA is to increase employer or organization caring attitude towards safety and health of their employees in addition to emphasizing job security measures are effective. However, at present, the accident rate in the construction sector is seen alarming. This is because the construction industry is a unique industry with the involvement of people from various fields and a construction project should be completed within a limited time. This study discusses about the practices, issues, and strategies applied in the

* Corresponding author.

E-mail address: wannadzri@uum.edu.my (Wan Nadzri Osman)

management of occupational, safety and health from the perspective of the contractor. This study used a qualitative method where an interview was conducted in a contractor who is experienced in the construction industry. The results of this study found that there were a number of occupational health and safety practices are implemented as base security, safety and health meetings, education and training, site safety inspections, and personal protective equipment. The main problem that contributed to the problems faced by the accident is due to the attitude of the workers and the low level of awareness among employees. Several strategies have been carried out such monitoring work on a regular basis in addition to emphasizing the educational aspects of security in addition to provide more effective training.

Keywords:

Amalan Keselamatan dan Kesihatan,
Masalah, Strategi

*Safety and Health Practice, Issues,
Strategies*

Copyright © 2017 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Industri pembinaan merupakan salah satu industry yang banyak menyumbang dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara termasuk Malaysia. Kejayaan sesebuah negara dilihat dari aspek pembinaan infrastruktur dan kemudahan fizikal lain. Oleh itu, industry pembinaan sangat berkait rapat dengan perkembangan ekonomi sesebuah negara. Menurut Rahman M.A [1], industry pembinaan merupakan industry yang biasanya menjalankan kerja-kerja pembinaan sesebuah bangunan atau struktur seperti perumahan, bangunan komersil, kemudahan awam, jambatan dan jalan raya.

Pada tahun 2015, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah memperkenalkan suatu program untuk mentransformasikan industry pembinaan dalam tempoh lima tahun akan datang iaitu bermula tahun 2016 hingga 2020. Program tersebut ialah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP). CITP merupakan satu usaha kerajaan untuk mewujudkan industry pembinaanyang lebih lestari di Malaysia dan seterusnya mampu bersaing ke arena antarabangsa. CITP merupakan pelan komprehensif yang merangkumi 18 inisiatif dari 4 teras melibatkan kualiti keselamatan dan profesionalisme, kemampanan alam sekitar, produktiviti, dan pengantarabangsaan. Dengan kewujudan pelan ini, industry pembinaan diharap akan lebih dinamik, efektif, mampan, dan memberi impak positif pada pertumbuhan pesat ekonomi negara [2].

2. Isu Keselamatan dalam Industri Pembinaan

Tidak dapat dinafikan bahawa industry pembinaan banyak menyumbang dalam perkembangan ekonomi negara. Pada masa yang sama, industry pembinaan terutamanya di negara ini adalah industry yang berorientasikan buruh dan melibatkan jumlah pekerja yang ramai. Jumlah pekerja yang ramai ini sangat terdedah pada pelbagai risiko dalam menjalankan kerja terutama di tapak-tapak pembinaan. Risiko tersebut seperti risiko renjatan elektrik, terkena objek yang bergerak, bahan kimia, habuk, bunyi bising dan ruang yang terhad [3]. Bagi tujuan mengurangkan impak kemalangan di tapak bina ini, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 telah diwartakan pada 24 Februari 1994. AKKP 1994 bertujuan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja dilindungi daripada aktiviti-aktiviti yang mempunyai risiko [4].

Bagaimanapun, selepas AKKP diperkenalkan, masih terdapat kemalangan yang serius berlaku dikalangan pekerja pembinaan. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengeluarkan Statistik Kemalangan Pekerjaan Mengikut Sektor Sehingga Disember 2015. Statistik berikut diklasifikasikan kepada kemalangan maut, kemalangan tanpa hilang upaya kekal (THUK), dan kemalangan hilang upaya kekal (HUK). Statistik berikut adalah seperti berikut:

Jadual 1
Kemalangan Mengikut Sektor (Maut)

No.	Sektor	Maut												Jumlah
		Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
1	Pengilangan	4	0	3	3	2	6	1	2	3	3	15	4	46
2	Perlombongan Dan Kuari	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1	1	1	4
3	Pembinaan	3	6	8	3	5	8	4	10	3	9	23	6	88
4	Pertanian, Perhutanan Dan Perikanan	1	1	2	2	3	2	6	2	3	1	6	2	31
5	Kemudahan	0	3	0	0	0	0	1	0	0	1	0	1	6
6	Pengangkutan, Penyimpanan Dan Komunikasi	9	1	0	0	0	0	1	0	1	2	7	1	22
7	Perdagangan Borong Dan Runcit	0	1	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	3
8	Hotel Dan Restoran	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
9	Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	0	2	0	0	1	2	0	3	0	0	5	1	14
10	Perkhidmatan Awam Dan Pihak Berkuasa Berkanun	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		17	14	14	9	11	18	13	17	10	18	57	16	214

Jadual 2
Kemalangan Mengikut Sektor (THUK)

No.	Sektor	Tanpa Hilang Upaya Kekal (THUK)												Jumlah
		Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
1	Pengilangan	182	110	154	147	128	183	205	180	178	181	132	123	1906
2	Perlombongan Dan Kuari	3	2	8	3	1	0	1	1	5	5	2	1	32
3	Pembinaan	10	9	13	11	6	26	10	13	11	14	6	9	138
4	Pertanian, Perhutanan Dan Perikanan	35	38	44	31	29	42	42	23	37	37	42	40	440
5	Kemudahan	4	5	4	6	7	11	10	9	8	5	4	13	86
6	Pengangkutan, Penyimpanan Dan Komunikasi	8	6	11	6	9	14	16	5	8	7	7	10	107
7	Perdagangan Borong Dan Runcit	9	10	7	5	6	8	11	11	14	11	6	4	102
8	Hotel Dan Restoran	2	3	3	11	8	7	3	5	8	3	7	2	62
9	Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	6	4	6	5	10	8	8	5	11	18	13	11	105
10	Perkhidmatan Awam Dan Pihak Berkuasa Berkanun	4	2	2	1	3	1	3	1	1	6	5	2	31
Jumlah		263	189	252	226	207	300	309	253	281	290	224	215	3009

Jadual 3
Kemalangan Mengikut Sektor (HUK)

No.	Sektor	Hilang Upaya Kekal (HUK)												Jumlah
		Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
1	Pengilangan	5	7	11	10	3	10	7	4	7	12	6	7	89
2	Perlombongan Dan Kuari	0	0	1	0	0	0	0	0	0	2	0	0	3
3	Pembinaan	2	0	1	1	0	0	0	1	1	3	1	1	11
4	Pertanian, Perhutanan Dan Perikanan	2	0	0	1	1	0	1	0	0	1	1	2	9
5	Kemudahan	0	0	1	0	0	1	1	1	0	0	0	0	4
6	Pengangkutan, Penyimpanan Dan Komunikasi	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
7	Perdagangan Borong Dan Runcit	0	1	0	0	0	1	0	0	1	0	0	0	3
8	Hotel Dan Restoran	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
9	Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
10	Perkhidmatan Awam Dan Pihak Berkuasa Berkanun	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1
Jumlah		10	9	14	12	5	12	9	6	9	18	8	10	122

Berdasarkan jadual di atas, industri pembinaan mencatatkan jumlah tertinggi bagi kemalangan jenis maut iaitu sebanyak 88 kes daripada 214 kes keseluruhannya. Bagi kemalangan jenis tanpa hilang upaya kekal, industri pembinaan berada di tahap ketiga tertinggi selepas industri pengilangan dan pertanian, perhutanan dan perikanan. Manakala kemalangan jenis hilang upaya

kekal pula, industri pembinaan mencatatkan kedudukan kedua tertinggi selepas industri perngilangan iaitu sebanyak 11 kes.

3. Kajian Literatur

AKKP 1994 merupakan akta yang dibuat bertujuan untuk melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja. Dalam sesebuah organisasi, keselamatan tempat kerja merupakan suatu aspek yang paling penting yang perlu dititikberatkan. Antara faktor yang membawa kepada pengenalan AKKP 1994 adalah disebabkan Akta Kilang dan Jentera 1967 dilihat banyak kelemahan terutama dari aspek keselamatan tempat kerja, dan statistik kemalangan di tempat kerja juga menunjukkan peningkatan setiap hari. Di bawah Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (AKKP) 1994, majikan merupakan individu yang bertanggungjawab untuk mengambil berat tentang keselamatan dan kesihatan para pekerja ketika bekerja dan juga orang lain yang turut berada di kawasan tersebut [1].

Razak [5] mendefinisikan dasar keselamatan sebagai satu kenyataan yang mencerminkan visi dan misi organisasi berhubung dengan pengurusan hal-hal kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Dasar keselamatan menentukan tahap kesedaran organisasi ke arah hal-hal kesihatan dan keselamatan terutamanya di kalangan pekerja. Selain itu, dasar keselamatan merupakan satu kenyataan bertulis berhubung dengan prinsip dan matlamat yang boleh menunjukkan komitmen pengurusan atasan dalam memastikan kaedah kerja yang selamat di tapak pembinaan.

Menurut Paringga [6], pendidikan dan latihan perlu disediakan untuk memberi kefahaman terhadap para pekerja mengenai amalan kerja yang selamat. Selain itu, para pekerja digalakkan untuk melaksanakan tugas yang sama berulang kali bagi memahirkan kemahiran mereka. Hal ini secara tidak langsung akan dapat mengurangkan kes kemalangan kerana pekerja lebih faham dan mahir untuk mengendalikan sesuatu tugas. Lai [7] menyatakan bahawa latihan keselamatan merupakan medium yang paling berkesan untuk mengurangkan kes kemalangan kerana dapat membantu para pekerja mengenalpasti bahaya yang ada di tapak pembinaan.

Pemeriksaan keselamatan tapak juga antara amalan yang harus dititikberatkan. Melalui pemeriksaan atau pemantauan ini secara tidak langsung majikan atau penyelia tapak dapat mengenalpasti keadaan tapak samada berada dalam keadaan selamat ataupun tidak [8]. Menurut Paringga [9], penyelia memainkan peranan penting dalam menetapkan jangkaan bagi keselamatan tapak pembinaan.

4. Masalah-masalah yang Terjadi dalam Pelaksanaan Amalan Kesihatan Pekerja di Tapak Pembinaan

Menurut Razak [4], walaupun negara mempunyai dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan, namun ia tidak dikuatkuasakan secara baik oleh pihak yang berkuasa. Masalah utama yang berkaitan dengan isu keselamatan dan kesihatan pekerja ialah sikap pekerja. Kebanyakkan mereka tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, pekerja tidak memakai Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) dengan betul, tidak memakai kasut keselamatan, dan tidak memakai topi keledar keselamatan di tapak pembinaan.

Roelofs [10] melakukan kajian mengenai faktor-faktor yang memberi kesan terhadap keselamatan tapak bina dan risiko mengikut perspektif pekerja binaan dan beliau mendapati bahawa ramai pekerja merasakan bahawa latihan keselamatan adalah baik tetapi tidak seorang pun daripada mereka akan memperuntukkan 30 minit hingga satu jam untuk latihan tersebut. Tumpuan mereka adalah untuk menyelesaikan kerja dalam kadar masa yang cepat. Beliau juga menyatakan

bahawa ramai pekerja yang menganggap latihan keselamatan adalah tidak perlu. Hal ini demikian kerana matlamat utama mereka adalah hanya untuk menyelesaikan kerja mereka dan mendapat gaji mereka. Ini menunjukkan bahawa pekerja mempunyai tahap kesedaran yang kurang mengenai budaya keselamatan dan kesihatan.

Masalah lain yang melibatkan isu keselamatan di tapak bina ialah berkaitan dengan peruntukan belanjawan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kajian yang dibuat oleh Larry [11], mendapati terdapat sesetengah golongan pengurusan atasan hanya menyediakan peruntukan yang kecil dan ini menimbulkan masalah terhadap pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Hal ini demikian kerana, aspek kewangan merupakan suatu aspek yang penting dalam pelaksanaan keselamatan dan kesihatan. Contohnya, penyediaan latihan, peralatan perlindungan peribadi (PPE), tanda-tanda keselamatan, dan proses penyelenggaraan keselamatan memerlukan peruntukan yang mencukupi.

5. Strategi-strategi yang dijalankan bagi Mengatasi Masalah dalam Pelaksanaan Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tapak Pembinaan

Dalam usaha untuk mengatasi masalah dalam amalan keselamatan dan kesihatan, tindakan terhadap kontraktor yang tidak bertanggungjawab dan pekerja yang tidak mematuhi peraturan yang di tetapkan perlu dijalankan secara berterusan. Contoh tindakan yang dilakukan ialah amaran dan kenakan penalti seperti bayaran denda. Hal ini adalah bagi menyedarkan mereka supaya tidak mengulangi kesilapan tersebut [12, 13].

6. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan mengenalpasti amalan-amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dijalankan di tapak pembinaan. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengenalpasti masalah-masalah yang terjadi dalam pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan selain mengenalpasti strategi-strategi yang dijalankan bagi mengatasi masalah dalam pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan.

7. Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan disebabkan bilangan kes kemalangan yang melibatkan para pekerja di tapak pembinaan semakin meningkat dari hari ke hari walaupun Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 telah dikuatkuasakan. Oleh itu, melalui kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada pihak majikan atau golongan pengurusan atasan dalam menitikberatkan aspek keselamatan dan kesihatan di kalangan para pekerja. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan sebagai rujukan kepada majikan atau golongan pengurusan dalam melaksanakan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja dengan lebih baik pada masa akan datang.

8. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumbalas pihak yang terlibat dalam industry pembinaan melibatkan data primer dan data sekunder. Bagi mendapatkan data primer, satu temubual telah dijalankan. Temubual ini adalah bertujuan untuk mendapatkan lebih maklumat daripada responden dalam menjawab segala persoalan yang diperlukan hasil pengalaman mereka

bekerja dalam industri pembinaan. Bagi tujuan ini, beberapa soalan semi struktur telah dirangka. Antara soalan yang telah dibuat adalah merangkumi aspek seperti berikut:

- i. Amalan-amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tapak Pembinaan
 - a. Dasar Keselamatan
 - b. Mesyuarat Keselamatan
 - c. Pendidikan dan Latihan
 - d. Pemeriksaan Keselamatan Tapak
 - e. Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE)
- ii. Masalah-masalah yang Terjadi dalam Pelaksanaan Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tapak Pembinaan
 - a. Masalah dalam pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan
- iii. Strategi-strategi yang Dijalankan Untuk Mengatasi Masalah Dalam Pelaksanaan Amalan Keselamatan dan Kesihatan di Tapak Pembinaan
 - a. Strategi bagi mengatasi masalah dalam pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Selain data primer, kajian ini juga dijalankan dengan mendapatkan data sekunder hasil kajian literatur yang telah dijalankan berdasarkan isu keselamatan pekerja di tapak bina. Sumber data sekunder yang digunakan oleh penulis ialah sumber kajian terdahulu melalui buku, jurnal dan bahan-bahan atas talian lain. Maklumat kajian juga menggunakan internet untuk mencari bahan-bahan dari sumber seperti artikel dan tesis dari pengkaji lain sebagai rujukan. Melalui rujukan hasil pembacaan dari artikel dan tesis kajian terdahulu, kajian ini mendapat gambaran untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengenai isu ini.

9. Hasil Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada beberapa aspek penting iaitu aspek demografi, amalan-amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dijalankan di tapak pembinaan, masalah-masalah yang terjadi dalam pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, dan strategi-strategi yang dijalankan bagi mengatasi masalah dalam pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan.

9.1 Aspek Demografi

Kajian ini telah dijalankan di Syarikat Kontraktor kelas A, dimana seorang responden telah ditemubual bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan objektif kajian yang telah dirangka. Responden merupakan pengurus keselamatan dan kesihatan di syarikat tersebut dan telah memegang jawatan ini selama 2 tahun bermula tahun 2014.

9.2 Amalan-Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang Dijalankan di Tapak Pembinaan

Terdapat banyak amalan keselamatan dan kesihatan yang dilakukan oleh syarikat responden. Bagaimanapun, terdapat 5 amalan utama yang dilakukan termasuklah dasar keselamatan, mesyuarat keselamatan, pendidikan dan latihan, pemeriksaan keselamatan tapak, dan peralatan perlindungan peribadi (PPE).

i. Dasar Keselamatan

Menurut responden, syarikat ini mempunyai lebih dari 5 orang pekerja akan memantau keselamatan dan kesihatan para pekerja. Projek-projek yang dijalankan oleh syarikat ini menggunakan sistem pengurusan bersatu (SPB). Terdapat tiga elemen yang dititikberatkan dalam SPB ini seperti keselamatan dan kesihatan, persekitaran, dan kualiti. SPB mempunyai banyak audit dan menurut responden yang terlibat, ianya dilihat sebagai satu kaedah yang lebih tersusun. Audit keselamatan bagi projek besar akan dijalankan 2 kali setahun.

ii. Mesyuarat Keselamatan

Selain SPB, menurut responden, mesyuarat akan dijalankan setiap 3 bulan melibatkan 40 orang pekerja. Ia terdiri dari pengerusi yang juga merupakan pengurus projek, setiausaha iaitu pengurus keselamatan dan kesihatan, dan ahli-ahlinya yang terdiri daripada sub-kontraktor. Ahli sub-kontraktor terdiri dari pengurusan atasan seperti penyelia, dan wakil pekerja.

iii. Pendidikan dan Latihan

Selain mesyuarat, pelbagai latihan bagi tujuan pendidikan telah dijalankan oleh syarikat ini. Antara latihan yang di lakukan oleh syarikat ini ialah seperti mengadakan Taklimat "Toolbox". Taklimat ini merupakan perhimpunan yang akan dijalankan setiap hari khamis jam 8.30 pagi. Perhimpunan ini akan di hadiri lebih kurang 200 orang pekerja tapak pembinaan. Taklimat ini dikendalikan oleh pengurus keselamatan dan kesihatan. Melalui taklimat ini, pengurus akan memperingatkan mereka tentang penjagaan kebersihan dan keselamatan para pekerja.

iv. Pemeriksaan Keselamatan Tapak

Responden yang juga merupakan pengurus keselamatan dan kesihatan menyatakan, beliau dibantu oleh 3 orang pembantu iaitu penyelia tapak keselamatan di tapak projek. Ketiga-tiga penyelia ini akan berada di tapak projek setiap hari dan membuat pemeriksaan keselamatan dan kesihatan pekerja serta membuat laporan semasa. Responden juga akan turut serta di tapak projek sekurang-kurangnya 2 kali seminggu.

v. Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE)

PPE merupakan peralatan penting yang akan disediakan di tapak pembinaan untuk keselamatan para pekerja. Antara peralatan yang disediakan ialah topi keledar keselamatan, kasut keselamatan, cermin mata, perlindungan pendengaran, dan sarung tangan. Syarikat responden akan sentiasa memastikan peralatan perlindungan peribadi (PPE) tersebut disediakan di setiap tapak projek yang dijalankan.

9.3 Masalah-Masalah yang Terjadi dalam Pelaksanaan Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tapak Pembinaan

Mengikut responden, masalah paling utama yang berlaku di tapak pembinaan ialah sikap pekerja. Antara sikap yang menjadi permasalahan ialah tahap keberanian yang tinggi dan tiada sikap bersih dalam diri mereka. Mereka mempunyai keberanian yang tinggi untuk berjalan di kawasan yang berisiko tinggi. Sebagai contoh, pekerja Indonesia berani naik ke atas bangunan melalui tepi dinding-dinding bangunan.

Selain itu, tahap kesedaran keselamatan di kalangan pekerja rendah. Hal ini demikian kerana, pekerja pembinaan di syarikat responden terdiri daripada warga asing dari negara dunia ketiga seperti Nepal, Indonesia, dan Bangladesh. Ketiga-tiga negara ini seperti sedia maklum tidak melaksanakan amalan keselamatan dan kesihatan dengan begitu baik. Oleh itu, pekerja tersebut tidak peka berkenaan dengan amalan keselamatan dan kesihatan mereka. Contohnya, pekerja tidak

memakai topi keledar keselamatan dengan alasan terlupa dan tidak selesa. Hal ini menjadi masalah dalam pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

9.4 Strategi-Strategi yang Dijalankan Bagi Mengatasi Masalah Dalam Pelaksanaan Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tapak Pembinaan

Selain itu, pengurus keselamatan dan kesihatan membuat pemeriksaan secara kerap. Hal ini bertujuan untuk memastikan para pekerja mematuhi segala arahan yang disediakan. Pengurus juga akan sentiasa menegur kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh para pekerja. Sekiranya mereka gagal untuk mengikut arahan, tindakan penalti akan dikenakan.

Akibat pelbagai masalah yang sering ditimbulkan melibatkan isu keselamatan dan kesihatan para pekerja, menurut responden, pihak syarikat telah menyediakan pendidikan dan latihan keselamatan yang lebih berkesan. Latihan ini akan dikendalikan oleh pengurus keselamatan dan kesihatan. Latihan dijalankan sekurang-kurangnya 2 kali setiap bulan. Dalam latihan ini turut disediakan perbentangan slide, gambar dan video berkaitan dengan bahaya, dan aspek keselamatan. Strategi ini dilakukan bagi memberi dan meningkatkan tahap kefahaman para pekerja.

10. Cadangan dan Kesimpulan

Kajian ini dijalankan adalah bagi mengenalpasti pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan. Objektif kajian telah berjaya dicapai melalui temubual dengan pengurus keselamatan dan kesihatan di syarikat kontraktor kelas A dan melalui kajian literatur. Antara objektif kajian adalah untuk mengenalpasti amalan-amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dijalankan di tapak pembinaan, mengenalpasti masalah-masalah yang terjadi dalam pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan, dan untuk mengenalpasti strategi-strategi yang dijalankan bagi mengatasi masalah dalam pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan.

Banyak kajian yang telah dilakukan berkenaan dengan keselamatan kesihatan dan pekerjaan di tapak pembinaan. Kajian ini merupakan salah satu kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti amalan, masalah, dan strategi yang dijalankan dalam pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Melalui temu ramah yang telah dijalankan, kita dapat mengenalpasti dengan lebih dekat berkenaan amalan, masalah, dan strategi yang dijalankan dalam pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Rujukan

- [1] Mazliah, Abdul Rahman. "*Tahap Kesedaran Guru-Guru Tadika Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Tempat Kerja: Kajian Kes di Negeri Melaka.*" PhD diss., Universiti Utara Malaysia, 2012.
- [2] *CITP untuk transformasi sektor pembinaan 2016-2020* - Najib. (n.d.). Retrieved September 15, 2016, from <http://www.bharian.com.my/node/80886>
- [3] Salim, Abd, and Fatin Nazira. "*Kajian Keselamatan Dan Kesihatan Di Tapak Bina Sekitar kawasan Bahagian Pantai Barat Sabah.*" PhD diss., Universiti Teknologi Malaysia, 2012.
- [4] Samewoi Z. "*Tahap Kesedaran Kontraktor Terhadap Latihan Keselamatan Di Tapak Bina*", Fakulti Alam Bina: Universiti Teknologi Malaysia, 2010.
- [5] Keng, Tan Chin, and Nadeera Abdul Razak. "Case studies on the safety management at construction site." *Journal of Sustainability Science and Management* 9, no. 2 (2014): 90-108.
- [6] Paringga, Lanang Ardi. "*Construction Safety in Jakarta, Indonesia.*" PhD diss., Master Thesis of Science Construction Management. Malaysia: University Teknologi Malaysia, 2010.

- [7] Lai, Diana NC, Min Liu, and Florence YY Ling. "A comparative study on adopting human resource practices for safety management on construction projects in the United States and Singapore." *International Journal of Project Management* 29, no. 8 (2011): 1018-1032.
- [8] Nikolaos, G. "The Measurement of Health and Safety Conditions at Work Theoretical Approaches, Tools and Techniques a Literature Review", *International Research Journal of Finance and Economics*, 36, (2010): 87- 95.
- [9] Paringga, Lanang Ardi. "Construction Safety in Jakarta, Indonesia." PhD diss., Master Thesis of Science Construction Management. Malaysia: University Teknologi Malaysia, 2010.
- [10] Roelofs, Cora, Linda Sprague-Martinez, Maria Brunette, and Lenore Azaroff. "A qualitative investigation of Hispanic construction worker perspectives on factors impacting worksite safety and risk." *Environmental Health* 10, no. 1 (2011): 84.
- [11] Green, Larry, and Gary Tominack. "Real-time proactive safety in construction." *Power* 156, no. 1 (2012): 62-65.
- [12] Mohd Khairolden, Ghani, Abd Hamid Zuhairi, Maria Zura, Mohd Zain, Abdul Rahim Ahmad Hazim, Mohamad Kamar Kamarul Anuar, and Abdul Rahman Muhammed Asraff. "Safety in Malaysian construction: The challenges and initiatives." *Jurutera*, May (2008):17-19.
- [13] Salleh, N. A., Nawli, M. N. M., Nordin, N. M. & Rashid A. K. A. Impak Perisian Im-Smartsafety Terhadap Pekerja Asing Dalam Industri Pembinaan. *Jurnal Teknologi*, 77(4), (2015): 173–184.